

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID [ KUALA LANGAT ]**

**SOALAN**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan rancangan untuk mengadakan  
perkhidmatan kereta api dari Klang ke Banting.**

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesalinghubungan (*connectivity*) antara Klang dan Banting pada masa ini disediakan melalui perkhidmatan bas henti-henti oleh Syarikat Cityliner. Laluan sepanjang 40 kilometer ini memberikan perkhidmatan bas henti-henti kepada rakyat dengan kekerapan setiap 30 minit. Perkhidmatan tersebut beroperasi dari jam 5.00 pagi dan berakhir pada jam 9.45 malam.

2. Perancangan di masa hadapan bagi mempertingkatkan hubungan pengangkutan awam akan dipertimbangkan di dalam Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) Negeri Selangor. Di dalam RIPAD ini, perancangan pengangkutan awam termasuk mod rel, bas dan teksi akan dipertimbangkan, termasuk laluan antara Klang dan Banting.

Sekian, terima kasih.